

LAPORAN PERSIDANGAN

PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

MESYUARAT PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

Hari	:	29 April 2011 (Jumaat)
Tempat	:	Dewan Undangan Negeri, Lebuh Light, Pulau Pinang.
Jam	:	9.30 Pagi.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain	Speaker
2.	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
3.	Y.B. Dato' Haji Farizan bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
4.	Y.B. Dato' Faiza bt. Zulkifli	Penasihat Undang-undang Negeri
5.	Y.B. Tuan Haji Mokhtar bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri
6.	Y.B. Dato' Mansor bin Haji Othman	Timbalan Ketua Menteri I /Penanti
7.	Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
8.	Y.B. Tuan Chow Kon Yeow	Padang Kota
9.	Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim	Batu Maung
10.	Y.B. Tuan Lim Hock Seng	Bagan Jermal
11.	Y.B. Tuan Law Heng Kiang	Batu Lancang
12.	Y.B. Tuan Phee Boon Poh	Sungai Puyu
13.	Y.B. Tuan Law Choo Kiang	Bukit Tambun
14.	Y.B. Tuan Wong Hon Wai	Air Itam
15.	Y.B. Puan Ong Kok Fooi	Berapit
16.	Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN	Sungai Bakap
17.	Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Aurtherapady	Bagan Dalam
18.	Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man	Permatang Pasir
19.	Y.B. Tuan Ng Wei Aik	Komtar
20.	Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin	Paya Terubong

21.	Y.B. Tuan Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
22.	Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Datok Keramat
23.	Y.B. Tuan Tan Cheong Heng	Padang Lalang
24.	Y.B. Tuan Ong Khan Lee	Kebun Bunga
25.	Y.B. Tuan Ong Chin Wen	Bukit Tengah
26.	Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji	Seri Delima
27.	Y.B. Tuan Koid Teng Guan	Sungai Pinang
28.	Y.B. Tuan Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
29.	Y.B. Tuan Tan Beng Huat	Jawi
30.	Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya	Telok Bahang
31.	Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad	Bayan Lepas
33.	Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed	Sungai Dua
34.	Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin	Pinang Tunggai
35.	Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah	Seberang Jaya
36.	Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya	Permatang Berangan
37.	Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad	Pulau Betong
38.	Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria	Sungai Acheh
39.	Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab	Bertam

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Tan Hock Leong	Timbalan Speaker/Machang Bubuk
Y.B. Tuan Koay Teng Hai	Pulau Tikus
Y.B. Tuan Sim Tze Tzin	Pantai Jerejak
Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramania	Batu Uban
Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim	Penaga

TURUT HADIR

Encik Md Puat bin Romli	Setiausaha Dewan Undangan Negeri.
-------------------------	-----------------------------------

Dewan mula bersidang pada jam 10.00 pagi.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Speaker.

DOA.

Pengumuman oleh Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan hari ini 29hb. April 2011, sebagai hari permulaan Mesyuarat Yang Pertama Penggal Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas melalui perisytiharan bertarikh 07hb. Februari 2011 yang diwartakan pada 03hb. Mac 2011. Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan akan tiba di dewan ini sebentar lagi untuk menyampaikan ucapan kepada Ahli Dewan.

Setiausaha:

Ketibaan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan.

Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri.

Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri.

Assalamualaikum Warabmatullah Hiwabarokatuh. Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain
Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Haji Mansor bin Othman
Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Profesor Dr. Ramasamy a/l Palanisamy
Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang

Yang Arif Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang
dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri

Y.Bhg. Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri-Puan Sri
Y.Bhg. Dato' Seri-Dato' Seri dan Datin Seri-Datin Seri

Y.Bhg. Dato'-Dato' dan Datin-Datin

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

Alhamdulillah, ingin saya merafakkan rasa syukur ke hadrat *Allah Subhanahu Wataala* kerana dengan limpah kurnia dan restunya dapat saya menyampaikan ucapan di majlis yang mulia ini bersempena Mesyuarat Pertama bagi Penggal yang Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Kedua Belas.

2. Di kesempatan ini, saya ingin sekali lagi melahirkan kesyukuran dan kegembiraan kerana permulaan tahun 2011 ini memperlihatkan keadaan yang aman di seluruh negara amnya dan Negeri Pulau Pinang khususnya. Saya mengharapkan agar keadaan yang sejahtera dan harmonis ini akan berkekalan supaya rakyat dan Negeri Pulau Pinang berpeluang mencapai kemajuan yang membanggakan. Dengan suasana politik, sosial dan ekonomi yang stabil, agenda pembangunan negeri akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, tanpa sebarang gangguan.

3. Saya turut mengucapkan syabas kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan penjawat awam yang telah berjaya memacu pertumbuhan Negeri Pulau Pinang dengan penuh komitmen dan berdedikasi, walaupun terdapat pelbagai rintangan dan halangan yang mendatang.

4. Saya yakin dengan kepimpinan Kerajaan Negeri yang dinamik ini serta kerjasama yang padu dari seluruh lapisan masyarakat, Pulau Pinang akan mencapai matlamat sebuah negeri bertaraf antarabangsa dan pintar. Tidak lupa juga ucapan tahniah saya kepada Y.B. Dato' Haji Farizan bin Darus yang telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru, Y.B. Tuan Haji Mokhtar bin Mohd. Jait, yang telah dilantik sebagai Pegawai Kewangan Negeri yang baru dan Puan Maimunah binti Mohd. Sharif yang telah dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai yang baru.

EKONOMI DAN PEMBANGUNAN NEGERI:

Saya berbangga dengan kemajuan yang dikecapi oleh Negeri Pulau Pinang, apabila berjaya mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 8.1 peratus berbanding KDNK Malaysia pada tahap 7.2 peratus bagi tahun 2010. Ini dibuktikan melalui peningkatan KDNK per kapita sebanyak RM30,753.50 pada tahun 2010 berbanding RM29,080.10 pada 2009.

2. Pulau Pinang telah dapat menyumbangkan sebanyak 8.8 peratus kepada jumlah hasil negara. Secara umumnya, KDNK per kapita Negeri Pulau Pinang adalah 58 peratus jauh lebih tinggi berbanding purata KDNK per kapita Malaysia. Ini menunjukkan pertumbuhan ekonomi Negeri Pulau Pinang berkembang dengan pesat dan dijangka terus berkembang pada masa akan datang.

3. Pelaksanaan projek-projek pembangunan pula terus menjadi agenda utama Kerajaan Negeri dalam memastikan Pulau Pinang kekal sebagai negeri pilihan utama pelabur di Malaysia.

4. Dalam mengejar kemajuan, saya berharap program dan projek pembangunan yang dirancang wajar diteruskan. Pembangunan yang dirancang secara berterusan ini, adalah berteraskan, untuk:-

- Merancang pertumbuhan ekonomi (*Pro-Growth*);
- Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan (*Pro-Jobs*);
- Menjamin keadilan sosio-ekonomi (*Pro-Poor*);
- Memantapkan sektor pendidikan demi menjamin masa depan generasi muda (*Pro-Talent* atau *Pro-Bakat*); dan
- Meneruskan program sosial, kesejahteraan rakyat dan penjagaan alam sekitar (*Pro-Welfare* atau *Pro-Kebajikan*).

5. Saya dimaklumkan, sebanyak RM294,951,350 telah diluluskan pada tahun 2011 bagi melaksanakan 512 projek pembangunan di seluruh Negeri Pulau Pinang berbanding pada tahun 2010, peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM242,953,981. Dengan penambahan sebanyak RM51,997,369 atau 21.40 peratus, jelas menunjukkan komitmen dan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memastikan transformasi ke arah sebuah negeri yang terus membangun dengan mapan dan pintar.

PEMBANGUNAN INDUSTRI DAN PELABURAN:

Tahun 2010 telah menyaksikan kejayaan Pulau Pinang buat pertama kalinya mencapai pelaburan yang tertinggi dalam sejarah negeri dan Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM12.2 billion. Pulau Pinang menduduki tangga teratas di antara negeri-negeri di Malaysia dengan peningkatan pelaburan sebanyak 465 peratus pada tahun 2010 daripada RM2.2 billion pada tahun 2009.

2. Lebih mengagumkan adalah sumbangan Pulau Pinang kepada Pelaburan Luar Negeri (FDI) Malaysia iaitu sebanyak 36 peratus sungguhpun populasi Pulau Pinang hanya terdiri daripada 6 peratus daripada populasi Malaysia. Kejayaan ini adalah disebabkan oleh banyak faktor seperti kemudahan infrastruktur dan komunikasi yang baik, urus tadbir yang baik dan pentadbiran yang bersih dan amalan CAT iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Tetapi yang paling penting adalah kewujudan sumber manusia di Pulau Pinang di mana daya kepakaran, daya tenaga dan daya usaha sama rakyat Pulau Pinang merupakan tarikan utama para pelabur.

KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

Untuk kemudahan infrastruktur, peruntukan sebanyak RM33.76 juta telah disediakan pada tahun 2011 kepada Jabatan Kerja Raya bagi menaiktaraf kemudahan infrastruktur dan bangunan milik Kerajaan. Ini merupakan pertambahan sebanyak RM20.19 juta atau 148.8 peratus daripada peruntukan yang diluluskan pada tahun 2010. Projek utama yang akan dilaksanakan melalui peruntukan ini ialah:-

- (a) Projek Pelebaran dan Menaik taraf Jambatan di Jalan Song Ban Kheng, Bukit Mertajam di Seberang Perai Tengah dengan kos sebanyak RM10 juta;
- (b) Projek Pelebaran Jalan Raja Uda (RM1 juta), Projek Jalan Siram–Bagan 29 (RM2.8 juta); dan
- (c) Projek Rumah Hijau–Jalan Bunga Tanjung (RM3.8 juta).

2. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri kerana telah berjaya mengukir sejarah pada julung-julung kalinya menyediakan kemudahan bas awam percuma "*Bridge Express Shuttle Transit*" (BEST) melalui projek *Park and Ride*. Sebanyak 16 buah bas telah disediakan oleh Rapid Penang dengan Kerajaan Negeri memperuntukan dana berjumlah RM1.05 juta. Projek ini telah dimulakan pada 1 Mac 2011 dengan tempoh percubaan selama 6 bulan, kini mula mendapat sambutan yang baik daripada golongan pekerja di Seberang Perai, khususnya, mereka yang bekerja di Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas.

3. BEST merupakan komitmen Kerajaan Negeri dalam usaha mengurangkan kadar kemasukan kenderaan persendirian ke bahagian pulau melalui Jambatan Pulau Pinang. Sekali gus, mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas semasa waktu puncak, mengurangkan beban kewangan dan juga menjaga kesihatan dengan mengurangkan tekanan semasa membawa kenderaan bagi warga Pulau Pinang.

4. Bagi menjamin bekalan air yang mencukupi kepada penduduk Negeri Pulau Pinang, Projek Pembesaran Empangan Mengkuang telah dirancang dan akan dilaksanakan oleh Syarikat China International Water & Electric Corporation (M) Sdn. Bhd. dengan geran daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM1.2 billion melibatkan kos pembinaan empangan dan kerja-kerja pembinaan paip utama. Projek ini dijangka bermula pada bulan Jun 2011 dan siap pada Jun 2016.
5. Pembangunan Negeri Pulau Pinang tidak dapat dilestarikan tanpa bekalan elektrik yang mencukupi. Untuk itu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah memperuntukkan RM236 juta pada tahun 2011 bagi melaksanakan 230 projek merangkumi projek bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna serta projek memperkukuhkan sistem bekalan elektrik sedia ada. TNB telah mengguna pakai sistem automasi sepenuhnya di kawasan industri serta mewujudkan Pusat Kawalan Wilayah Utara dan Pusat Panggilan Setempat.
6. Usaha TNB di dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada negeri ini juga dapat dilihat melalui kejayaan tiga projek Bekalan Elektrik Luar Bandar di kawasan Balik Pulau pada pertengahan tahun 2010 dengan kos RM2.18 juta.
7. Di samping itu, Jabatan Penerbangan Awam Malaysia pula akan melaksanakan Projek Pemasangan Instrumen Sistem Pendaratan di kawasan landasan kapal terbang. Kesemua sistem tersebut adalah bagi menggantikan sistem pendaratan sedia ada yang telah diguna pakai sejak tahun 1980-an dan ini dapat membantu pendaratan kapal terbang dengan lebih selamat. Projek yang menelan belanja sebanyak RM5 juta ini akan dimulakan pada bulan Jun 2011 dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir bulan September 2011.
8. Kerajaan Negeri amat berterima kasih kepada *Malaysian Industrial Development Authority (MIDA)* kerana meluluskan semula peruntukan asal berjumlah RM57 juta bagi pelaksanaan Projek Menaik taraf Infrastruktur Dalam Kawasan Perindustrian Perai oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai. Sehingga 28 Mac 2011, projek ini telah mencapai kemajuan sebanyak 64.79 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada 14 Ogos 2011.

PEMBANGUNAN PELANCONGAN:

Seperti yang kita semua sedia maklum, sektor pelancongan merupakan penyumbang kedua terbesar kepada KDNK Pulau Pinang. Kerajaan Negeri mensasarkan ketibaan pelancong seramai 17.4 juta orang dalam tempoh lima tahun bermula 2008 sehingga 2012, iaitu kira-kira 3.48 juta orang setiap tahun.

2. Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM14.51 juta bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan pelancongan pada tahun 2011. Antara projek utama ialah menaik taraf kemudahan pelancongan di Bukit Bendera dengan peruntukan berjumlah RM8.6 juta.
3. Di samping itu, MPPP juga sedang giat membangunkan semula Astaka dan Pusat Pelancongan di Coolie Lines Bukit Bendera dengan kos berjumlah RM4.48 juta. Selain membaik pulih lima (5) buah banglo warisan milik Kerajaan Negeri di Bukit Bendera, Kerajaan Negeri juga telah mengenal pasti pembida yang berjaya yang akan membangunkan semula Hotel Crag dan Titian Silara atau Canopy Walk selaras dengan hasrat menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi pilihan pelancong di Pulau Pinang.
4. Taman Botani yang sekian lama telah menjadi produk pelancongan yang penting bagi Pulau Pinang kerana nilai sejarah dan kepelbagaian flora yang terdapat di kawasan tersebut. Peruntukan sebanyak RM500,000.00 telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan penyediaan Pelan Induk Taman Botani. Pelan ini bertujuan untuk

mewujudkan Rancangan Kawasan Khas bagi Taman Botani. Selain daripada itu, peruntukan sebanyak RM1.27 juta juga telah diluluskan bagi kerja-kerja menaik taraf kemudahan infrastruktur, penyediaan landskap dan keceriaan di Taman Botani.

5. Usaha memajukan sektor pelancongan juga diteruskan dengan mempromosi produk-produk pelancongan sedia ada dan memperkenalkan produk-produk baru. Salah satu produk pelancongan baru yang diperkenalkan ialah Pusat Makanan Laut dan Galeri Kraf di Batu Kawan. Projek yang telah dibangunkan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di atas tapak seluas 3.6 ekar bersebelahan Jeti Batu Musang dengan kos RM10 juta bertujuan menggalakkan aktiviti pelancongan melalui perniagaan penyediaan makanan berasaskan makanan laut serta perusahaan seni dan kraf tangan.

6. Pihak PDC kini telah mempelawa syarikat-syarikat yang berpengalaman dalam bidang penyiapan dan pengurusan makanan dan restoran makanan laut untuk menyewa dan mengurus Pusat Makanan Laut dan Galeri Kraf secara *Request For Proposal* (RFP). RFP ini telah dibuka pada 25 Februari 2011 dan akan ditutup pada 31 Mei 2011.

7. Sektor pelancongan perubatan merupakan salah satu penyumbang utama kepada hasil pendapatan sektor pelancongan negeri. Bagi tahun 2010, sektor ini telah menyumbang sebanyak RM230 juta berbanding RM162 juta bagi tahun 2009. Ini merupakan sumbangan lebih 60 peratus daripada keseluruhan hasil pendapatan sektor pelancongan perubatan Malaysia. Kerajaan Negeri mensasarkan peningkatan pendapatan sebanyak 15 peratus bagi sektor tersebut untuk tahun 2011.

8. Bagi industri pelancongan marin pula, Pelabuhan Pulau Pinang telah mengendalikan ketibaan 2,222 buah kapal tempatan dan luar negara dengan jumlah 1,217,618 orang penumpang bagi tempoh Januari hingga Disember 2010.

9. Dianggarkan 1,500 hingga 2,000 pelancong yang melawat Tapak Warisan Dunia George Town dan kawasan sekitar setiap kali kapal *cruise* berlabuh di Terminal *Swettenham Pier* dan *Tanjong City Marina*.

10. Mempromosikan sektor pelancongan warisan juga menjadi salah satu agenda Kerajaan Negeri di dalam memacu pertumbuhan ekonomi negeri ini. Bagi tujuan itu, sebanyak RM2.65 juta telah diperuntukkan untuk mempromosikan sektor ini oleh George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) bukan sahaja di kalangan pelancong tetapi juga di kalangan pelajar dalam dan luar negeri. Jaringan diwujudkan dengan pakar-pakar daripada luar negara untuk berkongsi pengalaman dalam pengurusan dan pengendalian Tapak Warisan Dunia.

11. Bagi memberi peluang kepada masyarakat, khususnya rakyat Negeri Pulau Pinang dan pelancong untuk menikmati keunikan budaya serta warisan negeri, sambutan Hari Bandaraya George Town telah diadakan pada 1 Januari 2011 dengan tema "George Town 1111" dan Pesta Warisan George Town pada setiap bulan Julai.

PEMBANGUNAN PERTANIAN DAN ASAS TANI:

Sektor pertanian di Pulau Pinang menyumbang sebanyak 1.76 peratus kepada pertumbuhan ekonomi negeri bagi tahun 2008 telah meningkat kepada 1.83 peratus pada tahun 2009. Bagi tahun 2008, KDNK sektor pertanian ialah RM824 juta dan jumlah ini telah meningkat kepada RM840 juta pada tahun 2009. Unjuran sumbangan sektor ini kepada Negeri Pulau Pinang dijangka akan meningkat kepada RM1,046 juta dalam tahun 2015.

2. Sejumlah RM4.47 juta telah disediakan pada tahun 2011 bagi membangunkan sektor pertanian. Usaha sama antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi mewujudkan sebuah kawasan pengeluaran makanan bagi memenuhi permintaan domestik mahupun eksport telah dizahirkan melalui pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Juru. Kawasan tanaman seluas 24 hektar ini telah menjana hasil pengeluaran kasar sebanyak RM1.02 juta bagi tempoh 15 bulan (Oktober 2009 hingga Disember 2010) dan dijangka akan meningkat dalam tahun 2011 .

3. Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM2.75 juta untuk meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan veterinar. Antara projek utama yang akan dijalankan ialah Pengawalan Pencemaran Veterinar RM1.09 juta, Peningkatan Kualiti Perkhidmatan (Kelengkapan & Infrastruktur) RM550,000 dan Pembangunan Industri Ruminan RM300,000.

KEBAJIKAN, KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT:

Keprihatinan Kerajaan Negeri di dalam menjaga kebajikan rakyat adalah melalui Program Penghargaan Warga Emas yang akan diteruskan pada tahun 2011. Bagi mengendali dan mengemas kini maklumat-maklumat pemohon dengan lebih efisien dan sistematik, Sistem i-sejahtera Program Penghargaan Warga Emas telah dibangunkan dan dilancarkan pada 1 Disember 2009. Sehingga 31hb Mac 2011, sebanyak 114,659 warga emas telah didaftarkan di dalam sistem ini dan sejumlah RM13.57 juta telah disumbangkan kepada penerima berdaftar.

2. Sebagai kesinambungannya, bermula tahun 2011 program ini akan diperluaskan kepada golongan ibu tunggal dan Orang Kelainan Upaya (OKU) melalui Program Bantuan Ibu Tunggal dan Program Bantuan OKU. Program ini akan menggunakan konsep dan kaedah bayaran yang sama sepertimana Program Penghargaan Warga Emas iaitu sumbangan RM100 secara tahunan.

3. Syabas diucapkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana telah memenuhi slogan *Penang Leads* iaitu menjadi negeri pertama di Malaysia yang berjaya membasmi kemiskinan tegar melalui Dasar Pembasmian Kemiskinan Tegar. Melalui dasar ini, usaha-usaha membasmi kemiskinan tegar dibuat secara menyeluruh tanpa mengira kaum, umur, fahaman politik, agama dan jantina. Semua keluarga miskin tegar diberikan imbuhan bulanan untuk memperolehi sekurang-kurangnya RM500.00 sebulan yang melepasi tahap miskin tegar sebanyak RM420.00 sebulan.

4. Kira-kira RM200,000 setiap bulan telah dibelanjakan untuk memastikan Negeri Pulau Pinang sentiasa berstatus miskin tegar sifar. Sejak pelaksanaan Dasar Pembasmian Kemiskinan Tegar pada Mac 2009, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM4.59 juta bagi kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

5. Melalui peruntukan Program Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin sebanyak RM1.0 juta, program berkenaan telah mengenal pasti sebanyak 56 buah rumah untuk dinaik taraf dan peruntukan sebanyak RM690,000.00 telah disalurkan kepada semua Pejabat Daerah. Peruntukan sebanyak RM2.2 juta juga telah disediakan bagi kerja-kerja pembersihan tapak dan kerja tambun tanah bagi pembinaan 40 buah rumah mampu milik di Daerah Seberang Perai Selatan.

6. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan sebanyak RM1.25 juta bagi Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi. Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan hampir RM300,000 untuk membaiki bumbung dan melaksanakan kerja-kerja pendawaian di Rumah Pangsa Taman Bukit Minyak yang roboh dalam bencana ribut baru-baru ini.

7. Bagi menyelesaikan masalah penduduk di Rancangan Perumahan Awam, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM13.51 juta pada tahun 2011 untuk menaik taraf beberapa Rancangan Perumahan Awam di Pulau Pinang iaitu Padang Tembak, Taman Tun Sardon, Kampung Melayu, Taman Free School dan Rumah Murah Jawi. Peruntukan tahun 2011 adalah 36 peratus lebih tinggi daripada tahun 2010 yang berjumlah RM9.94 juta.

KEMAPANAN ALAM SEKITAR:

Sebagai negeri pertama di Malaysia yang menjalankan usaha mengurangkan penggunaan beg plastik setiap hari, Pulau Pinang telah mencapai banyak kejayaan bukan sahaja dalam aspek pengurangan sisa pepejal dan sampah tetapi yang lebih penting sekali ialah kekerapan banjir berkurangan kerana tidak adanya beg plastik yang begitu banyak menyumbat atau menyekat aliran air di dalam parit dan longkang.

2. Di samping itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk membina dua buah kompleks *Material Recovery Facilities* di Jelutong dan di Pulau Burong dengan kos RM80 juta setiap satu melalui kaedah *Private Funding Initiative* (PFI). Ini adalah kaedah terbaik untuk menangani masalah pengurusan sisa pepejal berikutan kadar guna tanah yang minimum.

MEMARTABATKAN AGAMA ISLAM:

Saya, berharap agar Kerajaan Negeri akan terus memantapkan usaha bagi memartabatkan Agama Islam di negeri ini dengan menggiat dan melaksanakan pelbagai program, projek dan aktiviti. Peruntukan untuk hal ehwal Islam yang disediakan bagi tahun 2011 sebanyak RM33.33 juta hendaklah dibelanjakan secara berhemah.

2. Hasrat Kerajaan Negeri di dalam mengembangkan syiar Islam juga diteruskan dengan pembinaan Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang. Pelaksanaan projek ini telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dengan peruntukan sebanyak RM36 juta. Saya sendiri telah mendapat taklimat daripada Ibu Pejabat JKR berhubung dengan reka bentuk kompleks ini.

3. Tawaran tender bagi projek ini akan dibuka pada bulan Jun 2011 dan surat tawaran kepada kontraktor terpilih serta Majlis Pecah Tanah dijadualkan pada bulan Oktober 2011.

4. Di samping itu, dalam usaha memperkasakan pembangunan ummah di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah meluluskan penubuhan Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) pada 19 Januari 2011 dengan dana permulaan berjumlah RM1 juta. YIPP yang berperanan membantu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang ditubuhkan bertujuan sebagai pelengkap ke arah pembangunan ummah secara bersepadu bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani, emosi dan jasmani berpandukan kepada ajaran Islam melalui empat (4) bidang utama iaitu pendidikan, pembangunan ekonomi atau pelaburan, pelancongan dan kesihatan.

5. Sebagai negeri yang menekankan penguasaan ilmu pengetahuan termasuk bidang keagamaan Islam, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang melalui Pusat Urus Zakat telah memberi bantuan sebanyak RM5,000.00 setahun kepada pelajar jurusan Agama atau Arab dan RM12,500.00 setahun kepada pelajar jurusan Perubatan, Pergigian dan Farmasi.

6. Kerajaan Negeri turut menghulurkan sumbangan berjumlah RM636,000.00 kepada 318 pelajar Mesir yang di bawa balik oleh Kerajaan Malaysia akibat rusuhan di negara tersebut. Setiap pelajar diberikan RM2,000 sebagai sumbangan Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

7. Kerajaan Negeri juga mengiktiraf jasa Guru Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA) dalam mendidik anak bangsa. Justeru, sempena sambutan Awal Muharam pada tahun 2010, guru KAFA telah diberikan sumbangan berjumlah RM138,500.00. Pengiktirafan ini juga diberi sempena Sambutan Maulidur Rasul Tahun 2011 baru-baru ini di mana Kerajaan Negeri telah menyumbang sebanyak RM138,000.00 kepada 1,380 guru KAFA di negeri ini. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM900,000.00 sebagai wang sagu hati kepada guru KAFA dan usaha ini akan diteruskan pada tahun 2011.

KECEMERLANGAN SUKAN DAN BELIA:

Bagi tahun 2011, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM332,000.00 untuk pelaksanaan program-program belia dan sukan di bawah Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Belia dan Sukan manakala peruntukan pengurusan dan pembangunan sukan yang diluluskan bagi Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM4.17 juta. Dalam konteks pembangunan sukan, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sedang giat menjalankan persediaan untuk menyertai Sukan Malaysia Ke-14, Kuala Lumpur 2011 yang akan diadakan mulai 2 hingga 12 Jun 2011. Dianggarkan, seramai 300 atlet akan mengambil bahagian di dalam 15 acara sukan daripada 20 acara yang akan dipertandingkan.

2. Di samping itu, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang juga akan menganjurkan 24 program sukan berbentuk *participative sports* sepanjang tahun 2011. Antara program utama yang akan dijalankan adalah Kejohanan Angkat Berat Belia Antarabangsa, Pertandingan *Skimboarding* Antarabangsa, Karnival Pantai Pulau Pinang dan Jamboree Kayuh Lasak Mountainbike.

3. Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan Majlis Belia Negeri Pulau Pinang dalam penganjuran 54 program belia sepanjang tahun 2011 yang bertujuan menerapkan amalan hidup yang sihat dan sikap yang positif di kalangan para belia di negeri ini. Antara program utama yang akan dijalankan ialah Program Meriah Belia Peringkat Negeri Pulau Pinang yang dijadualkan pada 1 Mei 2011.

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN KOMUNITI:

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM800,000.00 pada tahun 2011 untuk penganjuran program dan pembiayaan pengurusan Badan Bukan Kerajaan yang ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti seperti Persatuan Untuk Tadbir Urus Kesaksamaan Gender Pulau Pinang dan Pusat Perkhidmatan Wanita.

2. Bagi menjaga kebajikan kaum ibu yang bekerja khususnya dari golongan miskin, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Pusat Jagaan Kanak-kanak (PJKK) yang mengenakan yuran bulanan serendah RM50.00.

3. Bermula dengan penubuhan PJKK Daerah Timur Laut pada bulan Mei 2009 dan PJKK Daerah Seberang Perai Tengah pada bulan Januari 2011, Kerajaan Negeri sedang merancang untuk menubuhkan PJKK di Daerah Barat Daya pula. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM250,000.00 untuk pengurusan ketiga-tiga PJKK ini.

KEPIMPINAN JKKK DAN KOPERASI:

Menyedari kepentingan JKKK sebagai agen perubahan bagi proses pembangunan negeri, Kerajaan Negeri telah menambah 142 kawasan baru JKKK menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 291 kawasan. Majlis Penyampaian Watakah Pelantikan Pengerusi dan Setiausaha JKKK Bagi Penggal 2011/2012 telah berlangsung pada 27 Februari 2011.

2. Dalam usaha mengiktiraf sumbangan di peringkat pengurusan JKKK, Kerajaan Negeri telah bersetuju menaikkan kadar elaun Pengerusi dan Setiausaha JKKK sebanyak RM100.00 bermula pada Januari 2011. Kenaikan ini menjadikan elaun semasa Pengerusi dan Setiausaha masing-masing bertambah dari RM350.00 dan RM250.00 kepada RM450.00 dan RM350.00 sebulan.

3. Bagi setiap ahli JKKK, bayaran menghadiri mesyuarat juga dinaikkan sebanyak 100 peratus iaitu daripada RM15 ke RM30 sebulan. Melalui tambahan bayaran elaun ini, adalah diharapkan agar JKKK dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan, cekap dan efisien dalam menyelesaikan masalah dan aduan rakyat dalam sesebuah kawasan atau komuniti.

4. Anugerah Koperasi Cemerlang Negeri Pulau Pinang dijadualkan diadakan pada bulan Disember 2011. Anugerah yang julung kalinya diadakan di Pulau Pinang ini adalah inisiatif Kerajaan Negeri ke arah memberi pengiktirafan dan galakan kepada koperasi yang menunjukkan prestasi yang cemerlang.

SEKTOR PENDIDIKAN:

Penubuhan Majlis Sains Pulau Pinang telah berjaya menarik minat ahli akademik dan peneraju industri sains, teknologi dan inovasi untuk mengambil bahagian dalam usaha menggalakkan golongan muda menceburi bidang ini. Buktinya, Program Robotik LEGO yang telah dilancarkan pada bulan Februari tahun 2011 telah mendapat kerjasama dari sekolah, IPT dan juga syarikat-syarikat yang berkecimpung dalam dunia teknologi robot. Sebanyak 27 buah sekolah yang berpotensi dalam bidang penghasilan robot telah terpilih dijadikan anak angkat kepada Kolej Damansara Utama (KDU) Pulau Pinang.

2. Kerajaan Negeri telah pun memperuntukkan RM1.7 juta untuk membina sekolah agama dan membiayai pengurusannya. Ini adalah tambahan daripada RM1.75 juta yang diberikan secara tahunan kepada sekolah agama rakyat. Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM12 juta untuk sekolah Cina, Tamil, Mubaligh dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri memastikan kemudahan asas dan keperluan dipenuhi agar sekolah dapat memupuk sumber manusia dan bakat pintar. Impian Negeri Pulau Pinang adalah semua pelajar terbaik datang daripada Pulau Pinang sama ada pelajar tersebut berbangsa Melayu, Cina atau India.

3. Kerajaan Negeri juga amat prihatin mengenai pendidikan termasuk pendidikan kaum India. Sehubungan dengan ini Kerajaan Negeri telah membuat pengambilan balik tanah bagi tujuan tambahan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Valdor, Daerah Seberang Perai Selatan. Peruntukan untuk tujuan ini adalah sebanyak RM2 juta dan pengambilan balik tanah tersebut telah selesai sepenuhnya.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DAN ICT:

Bagi merealisasikan visi menjadi Peneraju Inovasi ICT dalam Transformasi Pentadbiran Negeri, 5 teras strategik utama telah digariskan, iaitu:

- (i) Pengukuhan Aplikasi Berimpak Tinggi Secara Bersepadu;
- (ii) Pemantapan Tadbir Urus ICT Negeri;
- (iii) Transformasi minda ke arah pembudayaan ICT secara inovatif dan kreatif;
- (iv) Pengukuhan infrastruktur ICT secara efisien dan kos efektif; dan
- (v) Pengukuhan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

2. Bagi menyokong hasrat tersebut, peruntukan berjumlah RM3.44 juta telah disediakan pada tahun 2011.

3. Saya percaya potensi yang terdapat dalam ICT dapat berperanan sebagai pemboleh daya serta menyuntik perspektif baru transformasi pentadbiran negeri dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dengan ciri-ciri 3i iaitu *Integrity*, *Intelligence* dan *Integration*.

4. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri *WiFi* yang pertama dengan memberikan perkhidmatan *WiFi* di tempat awam secara percuma di seluruh Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga telah bersetuju menambahkan 750 unit bagi *hotspot WiFi* secara percuma di samping 750 unit yang telah pun disediakan tanpa caj bayaran kepada Kerajaan Negeri oleh syarikat Redtone International Berhad menjadi jumlah keseluruhan kepada 1,500 unit.

5. Tambahan 750 unit melibatkan kos sebanyak RM8.3 juta dalam masa lima tahun yang dijalankan secara tender terbuka. Tambahan 750 unit ini akan membolehkan semua KADUN di Pulau Pinang menerima sekurang-kurangnya 10 unit dan ini membuktikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertindak adil kepada semua tanpa mengira kaum, agama, jantina ataupun fahaman politik.

KESIMPULAN:

Saya menaruh harapan yang tinggi agar semua rakyat Negeri Pulau Pinang bersatu-padu di bawah pimpinan kerajaan berjiwa rakyat supaya negeri ini akan kekal sebagai negeri yang termaju di Malaysia dan menjadi contoh kepada negeri-negeri yang lain dalam segala urusan pentadbiran dan operasinya. Saya juga berdoa, semoga kita semua akan dapat hidup dalam keadaan aman dan harmoni serta sanggup berdaya saing di samping mendapat perlindungan daripada Yang Maha Esa.

2. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua anggota Perkhidmatan Awam, Pasukan Keselamatan termasuk polis, tentera dan lain-lain pasukan berpakaian seragam yang telah memberi khidmat bakti tanpa mengira penat dan lelah untuk kesejahteraan Pulau Pinang.

3. Akhir kata, saya ingin sekali lagi menyeru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan anggota perkhidmatan awam agar terus berusaha melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh komited, berdedikasi dan berintegriti agar terus kekal relevan serta selari dengan prinsip urus tadbir Cekap, Akauntabiliti dan Telus demi kepentingan rakyat dan negeri yang kita cintai.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagian Toh Puan akan meninggalkan Dewan ini sebentar lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput untuk bergambar bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama Tun.

Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan mesyuarat akan bersidang semula pada hari Selasa 3hb. Jun 2011 jam 9.30 pagi.

Setiausaha:

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan meninggalkan Dewan persidangan.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.30 pagi.